

Sudut Buku UNISSA dilancar di ITQSHHB

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan melancarkan satu lagi Sudut Buku UNISSA atau UNISSA's Book Corner bertempat

di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (ITQSHHB).

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA, Profesor Madya Dr.

Hajah Rose binti Abdullah.

Sebanyak 197 judul buku diserahkan kepada ITQSHHB yang merangkumi pelbagai tajuk dan disiplin ilmu, termasuk pengajian Islam, undang-undang, ekonomi, budaya, tamadun, pembelajaran bahasa Arab dan lain-lain jurusan yang diterbitkan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris.

Pembukaan Sudut Buku UNISSA tersebut disambut baik oleh pihak ITQSHHB dan sumbangan buku-buku berkenaan diterima oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Pembentukan Sudut Buku UNISSA di beberapa buah institusi pengajian Islam di negara ini adalah sebahagian daripada usaha UNISSA untuk mempromosi dan menjadikan buku - buku terbitan UNISSA sebagai bahan rujukan peringkat menengah dan tinggi.

Sudut Buku ini diharap akan menjadi pendorong dalam



PEMANGKU Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit semasa menerima 197 judul buku dari UNISSA.

memupuk sifat suka mengkaji dan membaca dalam kalangan para pelajar, di samping menjadi kemudahan kepada para pelajar dalam menambah baik mutu pembelajaran mereka.

Sebelum ini, pihak UNISSA juga melancarkan majlis yang sama di keempat-empat

buah Sekolah Menengah Arab, iaitu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS); Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkhiah (SMALHB); Ma'had Islam Brunei; dan Sekolah Arab Rimba.



SUDUT Buku UNISSA kini terdapat di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (ITQSHHB).

Tutor Graduan dilatih secara komprehensif



PENGURUS Tutor Graduan, Julangan Titah Graduan Bersepadu, Dr. Habibah binti Haji Sion ketika ditemui Pelita Brunei.



SALAH seorang tenaga pengajar, Dayang Hajah Nur 'Aqilah binti Haji Abdul Aziz semasa ditemui.

Graduan juga dilatih secara komprehensif oleh Pensyarah-pensyarah SHBIE, UBD, di mana mereka diperkenalkan pada teori pembelajaran yang selaras dengan piawaian Brunei Teacher Standard.

Sementara itu, salah seorang tenaga pengajar, iaitu Dayang Hajah Nur 'Aqilah binti Haji Abdul Aziz berharap, agar inisiatif ini disambut dengan baik oleh masyarakat, selain berjaya untuk menyampaikan amanah yang diberikan kepada kami dengan baik.

"Seterusnya meraih kepercayaan daripada orang ramai, terutamanya ibu bapa dan penjaga. Kami juga merancang untuk meningkatkan lagi prestasi dan pengalaman kami sebagai pengajar dengan menghadiri bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah / Institusi - Institusi Pengajian Tinggi," katanya.

Antara cabaran yang perlu dilalui, ujar Dayang Hajah Nur 'Aqilah, ialah untuk mendapatkan kepercayaan orang awam memandangkan pusat tuisyen ini masih lagi berada di fasa yang baharu, di mana mereka juga akan bersaing dengan pusat - pusat tuisyen yang lain, terutamanya dari segi penetapan harga.

Oleh itu, tambahnya, mereka ada menawarkan beberapa pakej dengan harga yang kompetitif dan berpatutan.

"Bagi pihak Tutor Graduan, kami ingin mengalu-alukan orang ramai agar dapat mendaftarkan anak mereka secepat mungkin, sebaik sahaja



TUTOR Graduan beroperasi setiap hari, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

kami memulakan promosi dalam masa terdekat ini. Kami akan menawarkan harga pakej *early bird* kepada beberapa pendaftar terawal sahaja, sekali gus bersama - sama memberi

sokongan dan menjayakan inisiatif Graduan Bersepadu," tambahnya lagi.

Tutor Graduan beroperasi setiap hari, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September. - Tutor Graduan merupakan salah satu Projek Julangan Titah Graduan Bersepadu yang memulakan perkhidmatannya pada Ahad lalu, di Kampung Jaya Setia, Perpindahan Berakas, yang diurus tadbir dan dijalankan sepenuhnya oleh graduan tempatan.

Ia merupakan pusat tuisyen, terdiri daripada 11 tenaga pengajar, yang datang daripada pelbagai jurusan dan dari universiti luar juga dalam negara.

Pengurus Tutor Graduan, Julangan Titah Graduan

Bersepadu, Dr. Habibah binti Haji Sion, ketika ditemui Pelita Brunei baru-baru ini, menjelaskan, mereka yang terpilih ini telah melalui proses temu duga sebelum dihantar untuk penilaian ke sekolah-sekolah kerajaan peringkat rendah juga menengah untuk menjalani latihan bagi pendedahan pada pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21 yang dipraktikkan oleh guru-guru di sekolah-sekolah berkenaan, di mana prestasi mereka ini juga dinilai oleh Jabatan Sekolah-Sekolah.

Selain itu, jelasnya, Tutor

فجائت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHJAJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PELITA BRUNEI RECRUITMENT